



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

BILANGAN 2 TAHUN 2020

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2020

TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri Sembilan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Sembilan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 dibayar kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Sembilan yang masih berkhidmat pada 23 April 2020 sebanyak RM1,000.00 manakala Penjawat Awam Negeri yang telah bersara dalam tempoh 1 Januari 2020 – 23 April 2020 dibayar RM500.00.

PEGAWAI YANG LAYAK

Pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 Kerajaan Negeri Sembilan ini adalah pegawai yang sedang berkhidmat di pelbagai Jabatan Kerajaan Negeri pada 23 April 2020 seperti berikut:

- i. pegawai lantikan tetap, sementara *contract for service* dan *contract of service*;
- ii. pegawai yang bercuti bergaji penuh;

- iii. pegawai yang bercuti separuh gaji;
- iv. pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- v. pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 adalah:

- i. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020;
- ii. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020; dan
- iii. pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 sebanyak RM1,000.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 23 April 2020 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

PENJAWAT AWAM NEGERI SEMBILAN YANG BERSARA DALAM TEMPOH 1 JANUARI 2020 – 23 APRIL 2020

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kepada Penjawat Awam Negeri Sembilan yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2020 – 23 April 2020 akan dibayar sebanyak RM500.00. Pembayaran akan dibuat oleh Jabatan terakhir pegawai berkhidmat sebelum bersara.

PESARA YANG DILANTIK SEMULA SECARA *CONTRACT OF SERVICE* ATAU SECARA PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

Pesara kerajaan yang dilantik semula secara *Contract of Service* atau secara PSH hanya akan dibayar sebanyak RM1000.00.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 23 April 2020 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 sebanyak RM1,000.00. Pembayaran kepada mana-mana penerima pensyen terbitan yang layak di bawah undang-undang pensyen sebanyak RM1,000.00 akan dibayar oleh Jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

TARIKH PEMBAYARAN

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 Kerajaan Negeri Sembilan ini akan dibayar pada 8 Mei 2020.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran. Bagi Penjawat Awam Negeri Sembilan yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2020 – 23 April 2020 pembayaran akan dibuat oleh Jabatan terakhir pegawai berkhidmat sebelum bersara.

TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling ini oleh pihak berkuasa masing-masing.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)

Setiausaha Kerajaan

Negeri Sembilan Darul Khusus

16 April 2020